



Buletin Kelab



Sila lihat laman web kelab di <http://www.iiu.edu.my/matric/club>

Keluaran 1/05

Mac 2005

Kata-kata aluan pengerusi

Assalamu'alaikum wrt Wbt.

Marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ILahi. Selawat dan salam kita ucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., keluarga baginda, para sahabat, tabiit-tabiin serta seluruh para solehin dan semua penyambung mata-rantai perjuangan maaruf di mana jua mereka berada.

Terima kasih kepada Biro Penerbitan kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dalam Buletin Kelab yang pertama pada tahun ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli kelab kerana telah memberi kepercayaan sekali lagi kepada saya memimpin Kelab Kebajikan yang kita sayangi ini. Saya dan ahli-ahli exco amat berbesar hati diatas kepercayaan yang diberikan. Kami akan cuba sedaya upaya kami untuk memenuhi harapan ahli-ahli semua dalam melaksanakan amanat ahli dengan kemampuan yang ada.

Kita akui banyak lagi yang perlu dilakukan, banyak lagi kekurangan yang perlu diperbaiki. Kalau semua ahli memberi idea, barangkali banyak lagi yang dapat dilakukan. Silalah tampil kedepan. Proses komunikasi –perlu dipertingkatkan dan mesti ada saluran kalau perlu

dan menggunakan saluran yang ada, bertertib dan rational – bukan emosional dan merugikan organisasi dan persahabatan lalu terus tidak mahu ikut serta. Sentiasa bermuhasabah - muhasabah perlu dilakukan dari masa kesemasa samada diri kita, organisasi kita, kaedah dan pendekatan kita serta persekitaran kita. Kita harus membiarkan kritikan dilakukan tanpa rasa marah dan cuba memberi respons dengan secepat mungkin. Sekiranya kritikan itu baik dan kita merasakan ianya membantu misi organisasi, kita cuba perbaiki tetapi sekiranya ianya sebagai suatu kritikan biasa atau ketidakpuasan secara peribadi/emosi, kita harus mempunyai sikap berlapang dada dan cuba memberi respons dengan bijaksana dan bersopan.

Bagi tahun 2005 ini, kita ingin mengajak semua yang terlibat untuk memperkuatkan ukhuwah dan komitmen kepada kelab yang tercinta ini dalam suatu persatuan yang tersusun teguh. Kita perlu berganding bahu dan membantu diantara satu sama lain dalam menghadapi gerak kerja mendatang.

*Usah engkau risau sekiranya kita tidak dihargai,
Tetapi kita perlu risau sekiranya kita tidak berharga lagi,
Kelab ini adalah milik kita, susah senang kita rasai bersama.*

dikecap bersama,

Kandungan Buletin

Ucapan	1
AJK Kelab	1
Berpersatuan	2
Rakan Kongsi	2
Mesyuarat	2
Aktiviti yang	3
Sudut kreatif	4

AHLI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 2005 & 2006

Kini Kelab Kebajikan terdiri dari exco baru dan lama yang diterajui oleh pengerusi lama dengan dibantu oleh mukamuka baru dengan tenaga baru dan idea-idea yang lebih bernas bagi memenuhi aspirasi kelab.



Ahli Jawatankuasa KKK Bagi Tahun 2005 & 2006



Pengerusi



Timbalan Pengerusi (Lelaki)



Timbalan Pengerusi (Wanita)



Setiausaha Agong



Penolong Setiausaha



Bendahari



Penolong Bendahari



Biro Penerbitan Perhubungan



Biro Pendidikan



Biro Rehlah & Riadah (Lelaki)



Biro Rehlah & Riadah (Wanita)



Biro Ekonomi



Biro Kebajikan



Juruaudit 1



Juruaudit 11

Lima Jenis Racun & Lima Penawar

- Dunia ini racun, zuhud itu ubatnya.
- Harta itu racun, zakat itu ubatnya.
- Perkataan yang sia-sia itu racun, zikir itu ubatnya.
- Seluruh umur itu racun, taat itu ubatnya.
- Seluruh tahun itu racun, Ramadan itu ubatnya.

KEPENTINGAN Berpersatuan

Berpersatuan bererti melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah persatuan. Oleh yang demikian ianya dapat mendidik seseorang itu untuk menghormati orang lain, bertolak ansur dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah. Soal berpersatuan ini lebih kurang sama macam mencari kerja. Cuma yang lainnya ialah apabila kita hendak menerajui sesuatu persatuan itu. Walaupun berpersatuan ini dikira kerja 'sukarela' tetapi ramai yang berminat untuk menawarkan diri memegang jawatan. Biasanya jawatan utama dipilih melalui mesyuarat agong oleh ahli-ahli sesebuah persatuan itu. Tak kira le persatuan apa....persatuan bola sepak ke, PIBG ke, koperasi ke, kaum ibu ke, belia ke, apa sahaja le...Apabila kita telah dipilih ke jawatan tertentu di dalam persatuan oleh ahli persatuan maka kita kena 'berkhidmat' untuk memajukan persatuan. Kemajuan sesebuah persatuan itu boleh diukur melalui pelbagai aspek. Sama ada maju dari segi pertambahan ahlinya, kedudukan kewangan, pertambahan aset dan memperbanyakkan program untuk kepentingan ahli. Apa yang dapat

dilihat dengan berpersatuan kita akan bersatu, teguh dan kuat. Dengan ini kita boleh menyuarakan apa saja melalui Persatuan.



Berpersatuan membentuk peribadi yang mulia

Rakan kongsi perniagaan Kelab

Sejak ditubuhkan Kelab Kebajikan Kakitangan Pentadbiran Pusat Matrikulasi UIAM pada tahun 1989, ianya telah mempunyai beberapa rakan kongsi perniagaan. Di antara rakan kongsi perniagaan adalah :

1. Cyber Café Al Kawarizmi yang terletak di Asrama UKC2
2. Busana Kelab Kebajikan yang terletak di bangunan Studio Arkitek.
3. Kaunter Tiket -Kapalterbang dan Bas yang akan di buat perjanjian dengan sebuah syarikat pengurusan tiket.
4. Telefon awam juga memberi sumbangan kepada kelab

Mesyuarat agong Ke 14

Mesyuarat Agong Kelab Kebajikan kali ke 14 telah diadakan pada 04 Februari 2005 (Jumaat). Kehadiran ahli amat mengalakkan berbanding dari masa-masa yang lalu. Beberapa isu dan cadangan telah dibentangkan dan diperbahaskan. Mesyuarat Agong yang merupakan program terbesar dan terpenting, bukan sahaja untuk bermuhasabah, menilai kekuatan dan kelemahan serta melakar strategi masa depan, tetapi yang lebih penting untuk merapatkan ukhuwwah, menjalin persahabatan dan mengukuhkan silaturrahim sesama ahli. Mesyuarat kali ini telah dirasmikan oleh En. Mohd Khir Ngadiron Timbalan Dekan kita bagi mengantikan Dekan kita, yang sedang menunaikan ibadat Haji. Beliau tetap memberi sokongan penuh kepada Kelab yang telah banyak menjalankan pelbagai aktiviti kebajikan. Beliau juga telah menyampaikan sumbangan kepada anak-anak ahli yang telah mencapai kejayaan cemerlang di

Janganlah kamu menelan terus sesuatu makanan kerana manisnya dan janganlah kamu memuntahkan sesuatu barang kerana pahitnya, kerana manis itu belum tentu mendatangkan kesegaran dan yang pahit itu belum tentu mendatangkan keburukan

dalam peperiksaan UPSR dan UPSRA. Seramai 95 ahli yang hadir pada mesyuarat kali ini. Di sini menampakkan peningkatan kehadiran ahli. Ini bersesuaian dengan saranan En. Khir dan pengerusi Kelab agar penyatuan ahli amat perlu di dalam sesuatu persatuan. Moga Kelab akan lebih berjaya lagi di tahun 2005 ini.



Tempat tertubuhnya

Aktiviti-aktiviti Yang dirancang pada tahun 2005 & 2006

Biro Rehlah & Riadah (LELAKI)

1. Lawatan ke Kulliyah Perubatan, Kuantan.
2. Trasure hunt (kenderaan).
3. Pertandingan memancing.
4. Debat Antara Kakitangan.
5. Marathon Tasik Perdana.
6. Perkemahan di Kemensah.

Biro Penerbitan & perhubungan

1. Buletin Kelab
2. Menerbitkan buku kelab yang baru.
3. Mengadakan laman web kelab.
4. Mengadakan pertandingan mencipta laman web kelab
5. Mengadakan pertandingan mencipta laman web Pusat Matrikulasi UIAM
6. Menerbitkan Album Foto Kelab

Biro Kebajikan

1. Pertandingan Mewarna bagi kanak-kanak.
2. Kursus Jenazah.
3. Pertandingan Memasak.
4. Lawatan Ke Rumah Kebajikan, Zoo Negara dan Muzium.
5. Perkelahan di Sungai Congkak.
6. Pertandingan persembahan Untuk kanak Kanak.



Berbagai-bagai aktiviti diadakan

AKTIVITI Sukan Kakitangan (ASUAN 2005)

Sukan Kakitangan akan diadakan pada cuti semester ini bermula 28hb Mac hingga 15hb April 2005. Sukan kakitangan ini anjuran Kelab Kebajikan kakitangan (KKK) di bawah Jawatankuasa Rehlah & Riadah Lelaki dan Wanita.

Di antara acara-acara yang akan di adakan :

1. Badminton (kategori Pasukan & Individu) pada 28-31 Mac 2005
2. Ping-Pong (Kategori Pasukan & Individu) 05-07 April 2005
3. Karom (Kategori Pasukan & Individu) 04-05 April 2005
4. Bola Tampar (Kategori Pasukan) 11 April 2005
5. Dat (Lelaki) 12 April 2005 & Wanita 08 April 2005

Sesiapa yang berminat untuk menyertai, sila dapatkan borang

penyertaan dari Jabatan masing-masing atau hubungi sambungan 3501 atau 3717 untuk keterangan lanjut.

Aktiviti ini bertujuan untuk mengalakkan kakitangan bersukan bagi menyihatkan badan di samping mengeratkan silaturahmi antara ahli-ahli kelab amnya dan kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM khasnya

Jabatan-Jabatan telah dibahagikan kepada 11 pasukan. Di antaranya

1. ITU
2. HR & Admin
3. A&R & Science Programmes
4. Maintenance
5. Finance & Stad
6. LTD
7. RMDD
8. ICT, AED, ELD, LANGUAGE Dept
9. Security
10. Library
11. IRKHS, Sciences Department & QLD.

WASIAT NABI JUNJUNGAN KPD SAI DINA ALI R.A

Wahai Ali, Bagi orang mukmin ada 3 tanda-tandanya

- 1) Tidak terpaut hatinya pada harta benda dunia
- 2) Tidak terpesona dengan pujuk rayu wanita
- 3) Benci terhadap perbualan dan perkataan sia-sia

Wahai Ali, Bagi orang alim itu ada 3 tanda-tandanya

- 1) Jujur dalam berkata-kata
- 2) Menjauhi segala yang haram
- 3) Merendahkan diri

Wahai Ali, Bagi orang yang takwa itu ada 3 tanda-tandanya

1) Tidak dusta dan keji
2) Menghindari kejahatan

- 3) Memohon yang halal kerana takut jatuh dalam keharaman

Wahai Ali, Bagi orang yang jujur itu ada 3 tanda-tandanya

- 1) Merahsiakan ibadahnya
- 2) Merahsiakan sedekahnya
- 3) Merahsiakan ujian yang menyimpannya

Wahai Ali, Bagi ahli ibadah itu ada 3 tanda-tandanya

- 1) Mengawasi dirinya
- 2) Menghisab dirinya
- 3) Memperbanyakkan ibadah kepada ALLAH s.w.t.

Petua

DIGIGIT BINATANG BERBISA

Jika anda digigit binatang bisa seperti kala, lipan, atau sebagainya, ambilkan segera 1 gelas air dan bubuhkan sebuku garam jantan ke dalamnya. Kemudian bacakan al-Fatiha sekali dan tiup ke dalam air tersebut lalu diberi minum kepada si pesakit. Insya'Allah sakitnya akan berkurangan.

Pihak kami akan cuba memberi beberapa petua dikeluarkan akan datang. Jadi jangan ketinggalan medapatkannya.

SUDUT KREATIF


HIJRAH TERUS HIJRAH

*Hijrah telah menjadi lumrah
Setiap tahun "Ma al -Hijrah"
Maka berduyun Melayu berhimpun
Konon untuk bersama berhijrah
Maka berbagai kata dicurah
Pada sepanduk diukir indah
Begitulah yang sudah -sudah
Berbagai kata kata yang gah
Habis majlis semua belah
Tiada apa yang berubah
Kalau begini memang sah
Ma al -Hijrah seperti beli belah
Pergi dan balik tiada faedah*

*Kalau begitu begini hendaklah diubah
Majlis Ma al -hijrah
Di segi konsep dan arah
Supaya setiap tenaga yang dicurah
Mendapat kebaikan dari ALLAH
Maka baru boleh melangkah
Kemana saja arah
Asalkan semuanya sah
Mengikut jalan yang di arah
Segala tenaga dan benda telah dikreah
Hasil pada ALLAH kita berserah*

ANBAR

Sekiranya ada sesiapa yang ingin mengemukakan sebarang soalan kemusykilan agama, sila kemukakan kepada kami. Insya'Allah pihak kami akan merujuk soalan tuan/puan kepada ustaz bagi mendapatkan jawapan.



Kelab Kebajikan

Buletin Kelab ini akan di terbitkan sebulan sekali jika ada sebarang cadangan atau artikel yang hendak dimuatkan ke dalam Buletin ini sila kemukakan kepada AJK Biro Penerbitan atau e-mailkan ke amin@iiu.edu.my

Biro Penerbitan

Penasihat
En. Mat Nasir Ismail
Ketua Editor
En. Mohamed Amin Hj Ismail
Pen. Editor 1
En. Mohd Faisal Mohd Sukim
Pen. Editor 11
En. Ahmad Hidayat Bin Ahmad Sabi

Setiausaha Penerbitan
En. Norhaliza Aini Bt Zainal Abidin

AJK penerbitan
En. Mohd Khairi Bin Hassan
En. Ridwan Bin Jaafar Sidek
En. Reduwan Bin Mohd Noor
En. Ahmad Nadzri Bin Abdul Razak

BERATHIDANGAN MAKANAN YANG MENGIKUT KATEGORI KANDUNGAN KOLESTEROL

MAKANAN	HIDANGAN	BERAT (g)
Tinggi (> 200 mg)		
Mee goreng India	1 pinggan	325
Tinggi (101 – 200 mg)		
Char Kuey Tiaw Kerang	1 pinggan	300
Nasi Goreng Cina	1 pinggan	392
Tosai	1 keping	195
Mee Goreng Hokkien	1 pinggan	751
Kuey Tiaw Goreng Kantonis	1 pinggan	662
Sederhana (51 – 100 mg)		
Satay	5 cucuk	177
Rendang Hati	1 pinggan	35
Nasi Briyani	1 pinggan	457

Rendah (21 – 50 mg)		
Kari laksa	1 mangkuk	650
Nasi ayam	1 pinggan	315
Kari kambing	1 pinggan	80
Nasi 'char siew'	1 pinggan	329
Sambal udang	1 pinggan kecil	40
Sosej Cina	1 biji	42
Nasi Lemak	1 pinggan	306
Sangat rendah (0 – 20 mg)		
Lor mai kai (pulut dengan ayam)	1 mangkuk kecil	173
Kuih pau daging	1 biji	75
Thairuvaddai	1 biji	164
Boli	1 keping	84

Silalah pilih yang terbaik untuk dimakan